

07/10/2000

Dr Mahathir bersara selepas Umno kukuh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu memastikan Umno terus kuat dan mendapat sokongan golongan muda sebelum mengambil keputusan bersara.

"Tugas pertama saya sebenarnya bagi menjamin parti cukup kuat untuk kesinambungan. Kita perlu rombak. Kita perlu sokongan golongan muda kepada parti dan selepas parti diperkukuhkan, saya ingat saya boleh tinggalkan," katanya.

Perdana Menteri menyatakan demikian dalam temu ramah dengan Financial Times, yang disiarkan semalam. Dr Mahathir ditanya mengenai tugas sepatutnya beliau selesaikan sebelum bersara.

Beliau yang juga Presiden Umno bagaimanapun berkata, Malaysia sudah diletakkan pada laluan betul dan kebanyakan rancangan termasuk bagi jangka panjang, berjaya dilaksanakan.

Begitu pun, katanya, masih wujud ketidaksamaan antara pelbagai kumpulan etnik di negara ini dengan pribumi masih ketinggalan, malah menanggung lebih penderitaan berbanding kaum lain ketika kegawatan ekonomi.

"Oleh itu perlu untuk meletakkan mereka (kaum Bumiputera) kembali ke laluan yang betul dan bagi menjamin mereka berupaya untuk terus mendapat pengagihan kekayaan negara dengan adil.

"Orang bukan Melayu menghargai dan percaya, kerana kita membuat penyesuaian yang perlu dalam pengagihan kekayaan, maka ketika krisis tidak berlaku rusuhan kaum di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, daripada 20 peratus ekonomi negara yang kini pada kaum Bumiputera, cuma tujuh peratus berada di tangan individu, dan bakinya bersama institusi yang ditubuhkan kerajaan untuk memperolehi saham dalam syarikat atau bagi memulakan syarikat baru.

Beliau berkata, kerajaan mahu menjual ekuiti yang dipegang oleh institusi itu kepada individu setelah berjaya mencari calon sesuai.

"Tetapi kemudian, kita dituduh menjual kepada kroni. Mereka bukan kroni. Mereka adalah orang yang sudah dikenal pasti berupaya menguruskannya. Sebab itu mereka diberi peluang.

"Jika kita hanya menjual kepada sesiapa saja yang membuat tawaran, ada kemungkinan syarikat itu akan dijual kepada kaum lain dan ini tidak memenuhi matlamat kita," katanya.

Dr Mahathir yang turut ditanya mengenai isu Datuk Seri Anwar Ibrahim menjelaskan, isu itu memberi kesan pada pilihan raya umum lalu apabila gambar bekas timbalannya itu dengan mata lebam, dijaja ke seluruh negara.

Katanya, beliau dituduh melakukannya dan kempen membenci dijalankan sehingga sebahagian rakyat menyokong Pas. Bagaimanapun, kerajaan kini berupaya memperjelaskan kepada orang ramai bahawa kejadian itu tiada kena mengena dengan parti.

(END)